

## PANDANGAN FUQAHĀ DALAM PENENTUAN `ILLAH HUKUM KEHARUSAN BERPOLIGAMI

Zainuddin Bin Che Seman  
Ismail Bin Omar  
Dr. Mohamed Yusef Niteh

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
Bangi, Selangor.

### ABSTRAK

*Kertas ini mengupas pandangan fuqaha tentang ``illah'' hukum keharusan untuk berpoligami mengikut panduan al-Quran dan sunah. Permasalahannya terdapat setengah masyarakat amat keliru tentang berbezaan antara `illah, faktor dan hikmah dalam menentukan amalan berpoligami. sehingga berlaku perselisihan pandangan.yang menyebabkan institusi keluarga di dalam masyarakat dispekulasikan. Walaupun Pengubal dan perancang Enakman Keluarga Islam Malaysia (EKIM) telah menjelaskan faktor-faktor kaharusan berpoligami masih kesamaran pada pandangan Syariah, iaitu memahami `illah hukum untuk mencapai maqasid Syariah, setiap satu-satu hukum telah tersedia `illah, faktor dan hikmatnya tetapi dengan sebab kedangkan dan keterbatas ilmu manusia menyebabkan berlaku kekeliruan dan kesamaran. oleh itu keperluan menggunakan sumber rujukan Syariah yang benar-benar berautoriti merangkumi al-Quran dan al-Sunah berserta ulasan fuqaha Islam yang muktabar. Kajian ini menggunakan metode pengumpulan data dengan melakukan bentuk penyelidikan perpustakaan metode dokumentasi dan metode analisis data,*

**Kata Kunci:** Fuqaha, illah, , Syariah, maqasid, Poligami

### PENDAHULUAN

Poligami adalah sesuatu yang diharuskan dalam islam. Ini suatu ketetapan yang tidak dapat dinafikan. Ayat-ayat al-quran tentang keharusan nya dan hadis-hadis Rasulullah SAW tentang kewajipan berlaku adil, pembahagian giliran dan sebagainya dalam berpoligami menunjukkan betapa pengaturan poligami yang ketat dalam syariat, dalam hal ini telah diperincikan dalam al-Quran dan Sunnah. Mengikut peruntukan EKIM terbaru, mana-mana lelaki boleh berkahwin dengan seorang perempuan lain dalam masa ianya masih beristeri, perlu Poligami juga boleh ditakrifkan sebagai perkahwinan yang melibatkan lebih daripada seorang isteri (Rahimi Afandi Abd & Dahlan, Jurnal Syariah,2008, 185-206 ).

Dari segi takrif perkataan yang paling sesuai ialah ‘poligmi’ namun istilah yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat ialah ‘poligami’ yang bermaksud seorang lelaki boleh mempunyai lebih daripada seorang isteri.Antara perkara yang mesti diketahui oleh mereka yang mendalamai ilmu syariah adalah mengenal pasti apa yang tersirat pada sesuatu hukum. Majoriti besar ataupun hampir ijma’ dikalangan ulama meyakini bahawa setiap hukum mempunyai maksud yang tersirat. Perkara yang tersirat itu adalah hikmat dan `illah hukum. (al-Sa`di, 2000)

## HUKUM POLIGAMI

Hukum asal dalam poligami adalah harus iaitu dibolehkan, tetapi hukum tersebut boleh bertukar menjadi sunat, makruh atau haram mengikut situasi seseorang dan keadaan.

1. Harus berpoligami berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat ketiga yang bermaksud: (Basmeih, 2000)

*"Dan jika kamu takut kerana tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan daripada perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kamudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman."*

Surah al-Nisaa` :4/3

Dalil kedua dari al-Quran juga ialah firman Allah SWT dalam surah yang sama pada ayat keseratus dua puluh sembilan yang bermaksud: (Basmeih, 2000)

*"Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak malakukannya); oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau-lampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awang-awang); dan jika kamu memperbaiki (keadaan yang pincang itu), dan memelihara diri (daripada perbuatan yang zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*

Surah al-Nisaa` :4/129

Selain dari dua ayat al-Quran di atas, terdapat ayat-ayat al-Quran lain yang menyentuh tentang poligami yang diamalkan oleh Nabi SAW. Antaranya ialah ayat kelima puluh dua dari surah al-Ahzab yang bermaksud:

*"Tidak halal bagimu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang lain sesudah (isteri-isterimu yang ada) itu, dan engkau juga tidak boleh menggantikan mereka dengan isteri-isteri yang baharu sekalipun engkau terbalik hati kepada kecantikan mereka, kecuali hamba-hamba perempuan yang engkau miliki. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mengawasi tiap-tiap sesuatu".*

Surah al-Ahzaab: 33/ 52.

Dalam hadis nabawi pula disebutkan tentang poligami dari banyak sudut. Antaranya ialah perbuatan Nabi SAW sendiri yang berpoligami selepas kewafatan Khadijah r.a.. Baginda SAW telah memperisterikan sebelas orang perempuan pada satu waktu, mereka ialah Saudah binti Zumu'ah, Aisyah binti Abu Bakar, Hafsah binti Umar, Zainab binti Khuza'iyah, Ummu Salamah binti Abu Umayyah, Zainab binti Jahsy, Juwairiyah binti al-Harith, Ummu Habibah, Sofiyyah binti Huwayyidah Maimunah binti al-Harith dan Mariyah al-Qibtiyyah r.a, Nabi SAW juga memerintahkan sahabatnya yang mempunyai isteri yang lebih dari empat orang semasa zaman jahiliyahnya supaya memilih dan mengekalkan empat orang sahaja. Antara sahabat-sahabat tersebut ialah Ghailan al-Thaqafi, Naufal bin Muawiyah dan al-Harith bin Qayis r.a

Dalam kisah al-Harith bin Qayis bin, beliau telah berkata:

*“Ketika aku memeluk Islam aku mempunyai lapan orang isteri maka aku menceritakan perkara tersebut kepada Nabi SAW lalu Baginda bersabda: “pilihlah antara mereka empat orang sahaja”.*

(Ibnu Majah, 1990: 1942)

2. Sunat berpoligami namun hukum harus yang telah disebutkan di atas akan bertukar menjadi sunat atau digalakkan sekiranya lelaki atau si suami berhajat untuk menambah isteri kerana tidak cukup untuknya seorang isteri dari sudut seks atau sebagainya, begitu juga jika isteri sakit atau mandul sedangkan si suami tersangat inginkan anak disamping si suami amat yakin mampu memberi keadilan dalam berpoligami. Sekiranya begini keadaannya maka disunatkan untuk lelaki tersebut berpoligami kerana adanya kebaikan yang dibenarkan oleh syarak dalam situasi begitu. Oleh sebab itu ramai para sahabat Nabi SAW telah berpoligami kerana mereka termasuk dalam keadaan atau kategori begini.
3. Makruh berpoligami menjadi makruh sekiranya dilakukan tanpa sebarang hajat iaitu semata-mata untuk menambah kenikmatan dan bersuka-suka dan si lelaki bersifat syak tentang kudratnya dalam mewujudkan keadilan diantara isteri-isterinya. Poligami yang begini adalah makruh dan tidak digalakkan kerana dasarnya hanyalah untuk suka-suka dan kemungkinan akan berlaku kemudarat dalam poligaminya kerana si suami tidak mampu berlaku adil dalam berpoligami. Hukum ini juga bersandar kepada hadis Nabi SAW,

*“Tinggalkan apa yang kamu syak dan ambillah apa yang kamu tidak syak”.*

(al-Tirmizi, 2009: 2442))

4. Haram berpoligami sekiranya seseorang lelaki beranggapan atau cenderung atau yakin bahawa dia tidak mampu berlaku adil berpoligami sama ada disebabkan kemiskinan, kelemahan seks atau tidak percaya dengan dirinya sendiri maka hukum berpoligami dalam keadaan begini adalah haram kerana terdapat kemudarat terhadap orang lain sedangkan Nabi SAW telah melarang mendatangkan sebarang kemudarat sama ada untuk diri sendiri atau terhadap orang lain dalam sabdaan Baginda, maksudnya: Tidak dibenarkan sebarang kemudarat. (Sunan Ibni Majah: Kitab Al-Ahkam) Begitu juga ayat dalam surah al-Nisa' ayat ketiga yang telah disebutkan di atas melarang poligami jika boleh memudaratkan. (Khin, Sarbaji, & al-Bugha, 1989)

## PERBEZAAN ANTARA 'ILLAH DENGAN HIKMAT HUKUM

Hikmah merupakan tujuan pengsyariatan hukum yang bermatlamatkan menjaga kepentingan manusia dan menolak kemudharatan. Hikmah tidak mempunyai ciri-ciri yang khusus ataupun terhad kepada satu sahaja. Semua orang boleh mencarinya dalam segala perkara yang dihalal dan diharamkan oleh Allah. *Illah* pula ada satu sifat yang mempunyai ciri-ciri khusus yang ada pada sesuatu hukum. Sifat tersebut merupakan sebab mengapa hukum itu disyariatkan. Hilangnya sifat maka hilanglah hukum. *illah* disyaratkan dengan syarat-syarat tertentu dan hanya dikalangan mujtahidsahaja yang layak menentukannya. (al-Sa`di, 2000)

### i. Contoh Hikmah

Hikmah larangan berzina, arak, makan khinzir, riba, judi, membunuh, mencuri. Semua orang yang waras akalnya mampu mengetahui kesan buruk yang ada pada setiap larangan tersebut. Jika ada manfaat sekali pun, ia tidak mampu menghalang mudharat lebih yang wujud padanya. Hikmah pada perkara yang diharuskan seperti perkahwinan, jual beli, politik dan hubungan sesama manusia. Menjaga kehormatan perempuan, mencegah percampuran nasab, mencegah menyebarnya kejahanatan

### ii. Contoh 'illah

*Illah* mabuk adalah penyebab kepada pengharaman arak, sifat matawang adalah *illah* bagi hukum-hakam riba, jarak musafir adalah *illah* bagi keharusan jamak dan qasar dalam solat. *illah* riba adalah 'lebih' iaitu lebihan ke atas pinjaman yang diberikan kepada seseorang. Contohnya, seseorang yang meminjam RM1,000 tetapi dikehendaki membayar RM1,200.

## SYARAT-SYARAT 'ILLAH

### a) Zahir

Sesuatu *illah* itu mestilah zahir yang mampu dilihat oleh semua manusia dengan pancaindera mereka. Akad ijab dan qabul merupakan *illah* bagi sahnya jual beli. Tidak tepat jika mengiktibarkan redha merupakan *illah* kerana ia adalah perkara batin dalam hati manusia yang tidak boleh dilihat (al-Zuhaili D. W., 1998).

### b) Bertepatan dengan Maqasid Syariah

Maqasid syariah adalah tujuan asal syariat iaitu untuk menjaga kepentingan agama, nyawa, akal, maruah dan harta manusia. Dalam hal ini *illah* mestilah bertepatan dengan maqasid syariah. Mabuk adalah *illah* bagi pengharaman arak, ia bertepatan dengan maqasid syariah demi menjaga akal manusia. Adalah. Tidak tepat jika kita nyatakan *illah* pengharaman arak adalah bahan alkohol ataupun jenis buah-buahan yang diproses (al-Raisuni, 1995).

### c) Mundhabit ( Mampu diukur )

Ciri-ciri sesuatu itu mestilah boleh diukur, dan tidak berbeza-beza dikalangan manusia jika diaplikasikan ke atas mereka. *illah* bagi membolehkan seseorang itu boleh menqasarkan solatnya adalah jarak musafir. Tidak sesuai jika kita katakan bahawa kesulitan ( musyaqqah ) adalah *illah* bagi keharusan qasar kerana setiap orang adalah berbeza-beza kesulitannya. Orang muda dan tua, orang yang bermusafir dengan kapal terbang dan jalan kaki, kesulitan mereka adalah berbeza-beza. (al-Sa`di, 2000)

## MENGAPA PERLU MENGETAHUI ILLAH DAN HIKMAT?

- Aplikasi yang tepat bagi sesuatu hukum berdasarkan dalilnya

Menghukum orang yang bermain silap mata itu sebagai sihir (hukum mereka yang mengamalkan sihir boleh dibunuh), menghukum makruh rokok pada waktu kini seperti rokok pada sebelum kurun ke 18 (bahan yang berbeza), Begitu juga menghukum minyak wangi yang ada alkohol sama dengan hukum arak.

- Perlaksanaan qias

Menghalalkan bir atas sebab ia bukan bernama arak. Tidak mengiktibar duit kertas atas alasan duit hanyalah dinar dan dirham dan menyempitkan zakat hanya kepada emas dan perak.

## ALASAN BERPOLIGAMI

Di sini ada beberapa alasan (al-Barudi, 2012) yang menjadi asas untuk seseorang berpoligami

- Sesungguhnya wanita (jika bernikah hanya dengan seorang), iaitu haid, sakit, mengalami nifas dan beberapa halangan lain sehingga dia tidak boleh menunaikan tugas tugas perkahwinannya. Sedangkan kaum lelaki adalah seorang yang selalu siap untuk menambah jumlah umat. Maka, jika dirinya dikekang kerana adanya uzur yang meimpas wanita itu, maka lenyaplah fungsinya dengan cara yang batil, meskipun dengan tanpa melakukan dosa apa pun
- Sesungguhnya Allah s.w.t telah menjadikan jumlah lelaki lebih sedikit daripada kaum perempuan di seluruh dunia, Kaum lelaki memiliki peluang yang lebih besar untuk ditimpah kematian di dalam kehidupan. Maka, andai kata lelaki hanya dibatasi untuk bernikah hanya dengan seorang, maka akan terjadilah penumpukan wanita yang tidak bernikah, sehingga akan mengiringi mereka untuk melakukan tindakan keji (seperti zina).
- Sesungguhnya semua wanita itu pada dasarnya siap untuk bernikah. Namun ramai daripada kalangan lelaki yang tidak memiliki kemampuan untuk memenuhi tuntutan pernikahan kerana kefakiran nya. Dengan demikian lelaki yang siap menikah jumlahnya jauh lebih sedikit daripada kaum wanita, kerana wanita tidak memiliki halangan untuk

bernikah sedangkan kaum lelaki mendapat masalah untuk bernikah kerana kefakiran atau ketidakmampuannya untuk menunaikan tuntutan pernikahan

## **ISTERI-ISTERI NABI MUHAMMAD S.A.W DAN HIKMAH PERKAHWINAN**

Perkahwinan Rasulullah SAW penuh dengan hikmah-hikmah untuk melaksanakan maqasid al-Syariah yang sesuai dengan tugas beliau sebagai Nabi lagi Rasul (al-Raisuni, 1995), oleh itu tidak sesuai jika dibandingkan hikmah Rasulullah SAW berpoligami berbanding dengan semua orang. Di sini dinyatakan hikmah-hikmah kenapa Beliau berpoligami sebagaimana berikut: (al-Mabarakpuri, 1988)

1. Siti Khadijah binti Khuwailid r.h
2. Saudah binti Zam`ah r.h untuk menjaga anak-anaknya.
3. Aishah binti Abu Bakar r.h untuk merapatkan hubungan baik dengan saidina Abu Bakar r.a.
4. Hafsa Binti Umar r.h untuk merapat hubungan dengan bapanya saidina Umar dan memuliakan suami yang syahid peperangan uhud.
5. Zainab binti Jahsy r.h mengharuskan kahwin matan isteri anak angkat.
6. Ummu Salamah Hindun binti Abu Umaiyyah r.h memecah tembok permusuhan dengan kabilah Bani Makhzum terhadap Islam dan memadamkan kebencian mereka.
7. Zainab binti Khuzaimah r.h untuk memuliakan suaminya yang mati syahid dalam peperangan uhud.
8. Juwairiyah binti harith r.h adalah tawanan perang Bani Mustaliq yang dibebaskan oleh Rasulullah s.a.w dan kamudian dinikahi Baginda.
9. Safiyyah binti Huyai r.h bebas daripada tawanan perang.
10. Ummu Habibah Ramlah binti Abu Sufian r.h untuk memperbaiki hubungan dengan Abu Sufyan.
11. Maimunah binti Al Harith r.h untuk menyebarkan syiar Islam.
12. Mariah binti Sham'un r.h. adalah hadiah daripada Raja Muqawqis.

## **ILLAH YANG DISEPAKATI**

Dalam menentukan 'illah hukum dalam perpoligami adalah sifat adil, bahkan adil menjadi syarat untuk berpoligami. (al-Zuhaili D. W., 1989) kerana sifat adil itu boleh diaplikasikan oleh seseorang beriman kepada Allah, sifat adil bertepatan dengan ciri-ciri 'llah hukum, adapun adil yang diambilkira dalam berpoligami adalah seperti berikut:

### **i. Adil dalam menyediakan kediaman**

Sebagaimana pemberian nafkah, suami juga perlu menyediakan tempat tinggal isteri baik dalam keadaan monogami atau poligami. Apabila berpoligami, kediaman isteri seboleh-bolehnya diasangkan sebagai suatu inisiatif untuk mengelakkan perselisihan keluarga dan perasaan cemburu isteri. Pengasingan bergantung kepada kemampuan seseorang suami yang tidak semestinya menyediakan sebuah rumah untuk setiap isteri, bahkan dibolehkan juga disediakan bilik-bilik berasingan dalam satu rumah yang sama (Rahman, 1996). Dari segi psikologi,

menempatkan isteri-isteri dalam rumah yang sama akan memudahkan mereka berselisih faham yang boleh melukakan perasaan.

### **ii. Adil dalam giliran bermalam**

Suami wajib menentukan kadar giliran bermalam yang adil di antara isteri-isterinya tanpa mengira sama ada isterinya itu isteri muda, isteri tua dan sebagainya. Suami berdosa jika memberikan giliran lebih banyak kepada salah seorang isteri berbanding dengan isterinya yang lain. Di samping itu, keadilan dalam giliran malam ini masih juga relatif sifatnya dan perlu dinilai mengikut situasi seseorang isteri. Ia boleh dilonggarkan apabila ada kerelaan daripada mana-mana isteri tersebut. (al-'Imrani, 2000)

### **iii. Adil dalam musafir**

Menurut pendapat Imam Syafie, suami wajib membuat undian di antara isteri-isteri sekiranya beliau menginginkan salah seorang daripada mereka menemaninya bermusafir. Dengan ini, suami tidak wajib menggantikan giliran bermalam kepada isteri yang sepatutnya mendapat hak pada masa musafirnya. Berbeza keadaannya, jika undian tidak dibuat dan tiada kerelaan mana-mana isteri. Bagaimanapun, mazhab Hanafi berbeza pandangan dalam hal ini dengan mengatakan suami tidak wajib membuat undian untuk memilih isteri yang menemaninya ketika musafir. (al-'Imrani, 2000)

## KESIMPULAN

Sebenarnya adil yang diambil kira adalah adil dalam perkara yang boleh dicatat dan nampak pada perbuatan zahir seperti penepatan, pembahagian giliran dan musafir. Tidak diambil kira adil pada perasaan hati seperti cinta dan kasih sayang, intipati daripada ayat 3 dan 129 dalam surah al-nisa' dan Rasulullah SAW memberikan kepada para isterinya apa yang baginda miliki, dan baginda bersikap adil dalam melakukan pebahagian tersebut. Tidak dapat dimungkiri, mungkin baginda lebih memerhatikan sebahagian mereka ke atas yang lain, tetapi perkara ini berlaku di luar kemampuannya, Baginda pernah mengatakan dalam munajatnya:

اللهم هذا قسمى فيما أملك فلا تلمي فيما تملّك ولا أملك

Maksudnya: “*Ya Allah, inilah bahagianku yang dapat aku kuasai, kerana itu janganlah engkau cela aku tetang sesuatu yang Engkau kuasai sementara aku tidak menguasainya. Iaitu, hati*”

(IbnuMajah, 1990: 1942))

## REFERENCES

1. al-'Imrani, A. H. (2000). *al-Bayan Fi Mazhabul Imam al-Syafii*. Bairut: Darul Minhaj.
2. al-Barudi, S. I. (2012). *Tafsir Wanita Dalam al-Quran*. Selangor: Al-Hidayah Publicatioans .
3. al-Mabarapkuri, S. a.-R. (1988). *al-Rahiqul Makhtum*. al-Qahirah: Darul Bayan al-Turath.
4. al-Raisuni, A. (1995). *Nazariyyatul Maqasidi `inda al-Imam al-Syatibi*. Riyadh: Darul 'alamiyah lil Kitab al-Islami.
5. al-Sa`di, D. A. (2000). *Mabahithul `illah Fil Qiyas*. Bairut: Darul Basyair al-Islamiyyah.
6. al-Tirmizi, M. b. (2009: 2442). *Sunan al-Tirmizi*. Qahirah: Darul Fikr.
7. al-Zuhaili, D. W. (1989). *Fiqhul Islami wa adillatuha*. Damascus, Syria: Darul Fikr.
8. al-Zuhaili, D. W. (1998). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Darul Fikr: Damacus.
9. Basmeih, S. A. (2000). *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Qur`an: (30 juz)*. Kuala Lumpur: DarulFikir.
10. IbnuMajah, M. b. (1990: 1942). *Al-Nikah: Fil Qismi Bain al-Nisaa`*. Bairut: Darul Fikr.
11. Khin, D., Sarbaji, A., & al-Bugha, D. (1989). *al-Fiqhul Manhaji*. Darul Ulum al-Islami: Damascus.
12. Nasution, K. (Jurnal Syariah, 2008, 207-222). *Poligamy In Indonesian Islamic Family Law*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
13. Rahimi Afandi Abd, R., & Dahlan, F. I. (Jurnal Syariah,2008, 185-206 ). *Reformasi Undang-Undang Keluarga Islam Di Malasyia: Satu Analisis Terhadap Gagasan Konsep Fiqh Semasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
14. Rahman, S. K. (1996). *Adabul Hayat al-Zaujiyyah*. Bairut: Darul Ma`rifah.